

Panduan: Cara Memohon Surat Tiada Bantahan dari Bank untuk Tuntutan Tribunal Terhadap Kenderaan Rosak.

Jika anda telah membeli kenderaan melalui perjanjian sewa beli dengan kami dan mendapati kerosakan pada kenderaan anda, anda boleh membuat tuntutan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Untuk meneruskan tuntutan, anda akan memerlukan Surat Tiada Bantahan daripada Pihak Bank.

Berikut adalah langkah terperinci tentang cara meminta surat ini:

Langkah 1: Sediakan Dokumen-Dokumen yang Diperlukan

Sila pastikan anda mempunyai dokumen dan maklumat berikut:

1. Dokumen Pengenalan Diri:
Untuk Individu: Salinan MyKad (IC) atau Pasport anda.
Untuk Bukan Individu: Salinan dokumen Pendaftaran Perniagaan/Syarikat dan dokumen pengenalan penjamin..
2. Deskripsi Kerosakan Kenderaan:
Dokumentasi seperti resit pembaikan, laporan pemeriksaan, gambar kerosakan, dan komunikasi dengan pengedar kereta mengenai isu tersebut. (jika ada).
3. Surat Permohonan Rasmi: Surat bertulis daripada anda yang memohon Surat Tiada Bantahan. Surat ini mesti ditandatangani dan mengandungi:
 - i. Nama penuh anda (seperti dalam NRIC).
 - ii. Nombor Akaun Pinjaman Auto/Pembiayaan Auto-i anda.
 - iii. Butiran kenderaan (jenama, model, dan nombor pendaftaran).
 - iv. Penjelasan ringkas mengenai kerosakan dan niat anda untuk membuat tuntutan dengan Tribunal.
 - v. Butiran perhubungan anda (nombor telefon, emel, dan alamat surat-menyurat).
 - vi. Salinan Perjanjian Sewa Beli/-i (Untuk mengesahkan bahawa kenderaan dibiayai oleh Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank).
 - vii. Notis Pendengaran dari Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (jika ada).
 - viii. Kaedah penghantaran Surat Tiada Bantahan yang diluluskan.

Langkah 2: Menghantar Permohonan Anda

Setelah anda menyediakan semua dokumen yang diperlukan, anda boleh menghantar permohonan anda melalui salah satu kaedah berikut:

A. E-mel ke Jabatan Pinjaman/Pembiayaan Auto

Setelah semua dokumen yang diperlukan dalam Langkah 1 telah disediakan, anda boleh menghantar salinan imbasan asal dokumen permohonan ke: Jabatan Pinjaman/Pembiayaan Auto Hong Leong Bank Auto Waze (HLB) autowaze@hlbb.hongleong.com.my.

B. Kunjungi Cawangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank

1. Kunjungi cawangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank melalui [Cawangan HLB](#).
2. Bawa semua Dokumen (seperti yang dinyatakan dalam Langkah 1 di atas).
3. Jumpa dengan kakitangan cawangan dan serahkan permohonan anda. Kakitangan cawangan akan mengesahkan dokumen anda dan membantu anda dengan permohonan tersebut.
4. Anda mungkin dikehendaki melengkapkan Borang Kebenaran jika pihak ketiga menguruskan permohonan bagi pihak anda.

Step 3: Waktu Pemprosesan

1. Sebaik sahaja kami menerima dokumen lengkap, ia akan mengambil masa kira-kira 10 hingga 14 hari untuk memproses permohonan tersebut.
2. Jika maklumat tambahan diperlukan, kami akan menghubungi anda melalui nombor telefon atau emel yang diberikan.
3. Setelah diluluskan, Surat Tiada Bantahan akan dihantar ke alamat surat-menyurat anda seperti yang dinyatakan dalam surat permohonan atau boleh diambil dari cawangan pilihan anda.

Contoh Surat Permohonan

Di bawah ini adalah contoh yang boleh anda gunakan untuk menyediakan surat permohonan rasmi anda:

[Nama anda]
[Alamat]
[Bandar, Negeri, Poskod]
[Nombor telefon]
[E-mel]
[Tarikh]

Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank

Subjek: Permohonan Surat Tiada Bantahan untuk Tuntutan Tribunal Terhadap Kerosakan Kenderaan

Tuan/Puan,

Saya ingin memohon Surat Tiada Bantahan dari Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank bagi tujuan mengemukakan tuntutan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia berkaitan dengan kerosakan pada kenderaan saya yang dibeli di bawah Perjanjian Sewa Beli dengan bank anda.

Di bawah adalah butiran perjanjian sewa beli saya:

1. Nama: [Nama Penuh Anda seperti dalam NRIC]
2. NRIC: [Nombor IC]

3. Nombor Akaun Pinjaman Auto/ Pembiayaan Auto-i: [Nombor Akaun Anda]
4. Jenama & Model Kenderaan: [Jenama, Model]
5. Nombor Pendaftaran Kenderaan: [Nombor Pendaftaran]
6. Nama Penedar Kereta: [Nama Penedar Kereta]
7. Lokasi Tribunal Tuntutan: [Nama Tribunal & Lokasi]
8. Nombor Tuntutan Tribunal: [Nombor Tuntutan]

Saya telah lampirkan semua dokumen yang diperlukan untuk semakan pihak Bank. Sila proses permohonan saya secepat mungkin. Jika pihak Bank memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi saya di [Nombor Telefon Anda] atau [Alamat Emel Anda].

Terima kasih.

Yang Benar,
[Nama anda]

Saya ingin mengambil surat tersebut di Cawangan:
(Sila nyatakan lokasi cawangan)

Nota Penting

- Surat Tiada Bantahan diperlukan hanya jika anda bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang melalui Tribunal.
- Sebarang pertikaian atau tuntutan harus dibincangkan terlebih dahulu dengan pengedar kereta sebelum mengambil tindakan undang-undang.

Jika anda mempunyai soalan lanjut atau memerlukan bantuan, sila e-mel kami di autowaze@hlbb.hongleong.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB terdekat.